

Khamis, Jan 04 2018

Harga minyak dijangka terus meningkat

➔ Penganalisis unjur harga komoditi mampu cecah AS\$70 satu tong

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Harga minyak mentah, yang kini berlegar lebih AS\$60 satu tong dijangka terus meningkat dengan mencecah paras AS\$70 satu tong tahun ini, demikian mengikut penganalisis pasaran.

Malah, terdapat sebahagian daripada mereka mula mengunjurkan harga komoditi utama itu berpotensi mencecah paras AS\$80 satu tong pada tahun ini susulan langkah mengurangkan lebihan bekalan serta ketegangan politik yang semakin meningkat di Asia Barat.

Walaupun begitu, tidak kurang juga yang berpandangan bahawa harga minyak mentah dunia akan berlegar pada paras purata AS\$60 satu tong pada tahun ini memandangkan kenaikan har-

ganya akan merancakkan lagi pengeluaran minyak syal di Amerika Syarikat (AS).

Risiko kenaikan

Pakar Ekonomi, Penyelidikan dan Strategi Perbendaharaan OCBC Bank, Barnabas Gan, berkata harga minyak mentah mencatatkan rali yang sangat ketara pada separuh kedua 2017 berikutan kemajuan dalam asas pasaran serta peningkatan belian teknikal spekulasi.

Beliau berkata, ketegangan politik juga akan terus mempengaruhi pergerakan harga minyak.

"Kami fikir risiko kenaikan harga minyak mentah pada 2018 adalah terhad.

"Walaupun momentum kenaikan meningkat dalam separuh kedua 2017, harga yang lebih tinggi kebelakangan ini mendorong lebih banyak bekalan minyak (syal) AS," katanya dalam



Ketegangan politik juga akan terus mempengaruhi pergerakan harga minyak"

Barnabas Gan,
Pakar Ekonomi, Penyelidikan
dan Strategi Perbendaharaan
OCBC Bank

nota penyelidikannya.

Faktor ketegangan politik

Sementara itu, MIDF Research mengunjurkan purata harga minyak mentah bagi 2018 adalah sekitar AS\$60 satu tong, yang mana ia lebih tinggi berbanding unjuran purata AS\$55 satu tong pada 2017.

Firma penyelidik itu berkata, kontrak minyak mentah Brent setakat ini kekal diniagakan melebihi paras AS\$60 satu tong, sekali gus menunjukkan situasi permintaan global yang lebih baik.

"Lanjutan pengurangan pengeluaran Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) akan menyediakan sokongan bagi harga di tengah-tengah tekanan dari pengeluaran syal di AS.

"Peningkatan ketegangan politik di Asia Barat dan Arab Saudi juga menyumbang kepada peningkatan harga semasa," katanya.